



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 51  
No. 2

**18hb Januari 2007**

*TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN (B)*

---

---

**P.U. (B) 28.**

AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 1955

SKEL KADAR, DIUS DAN CAJ 2007

MENURUT peruntukan seksyen 34 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*], Menteri telah meluluskan Skel Kadar, Dius dan Caj yang dirangkakan oleh Suruhanjaya pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 32 dan 33 Akta itu, yang dinyatakan dalam Jadual yang hendaklah mula berkuat kuasa pada 18 Januari 2007.

Skel Kadar, Dius dan Bayaran [*P.U. (B) 451/1980*] adalah dimansuhkan.

JADUAL

MAKLUMAT AM

1. TAFSIRAN

“barang-barang” dan “kargo” termasuklah ternakan, galian, barang-barang dan segala perihalan barang dagangan;

“barang berbahaya” termasuklah peluru, bahan letupan, petroleum atau bahan atau barang mudah terbakar, beracun atau berbahaya yang lain dan semua barang yang dinyatakan dalam Jadual C Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1957 [*L.N. (N.S.) 93/1957*];

“bungkusan” termasuklah apa-apa kotak, raga, tong, peti, bekas, guni, beg, pembalut, sampul atau penutup atau benda lain yang di dalamnya barang-barang dimasukkan bagi maksud diangkut, dikonsain, dimuatkan, diimport atau dieksport;

“dermaga” termasuklah mana-mana dinding atau struktur yang bersambung dengan pesisir, dasar laut atau dasar sungai;

“Dermaga Suruhanjaya” ertinya himpitan, dermaga, dok, tambangan atau tempat pendaratan yang dikendalikan atau dikawal oleh Suruhanjaya;

“GRT” ertinya tanan berdaftar kasar vesel;

“hari” ertinya pusingan 24 jam;

“himpitan” ertinya dok, tambangan, jeti, bagan, tempat pendaratan atau dermaga yang bersambung dengan bahagian pantai;

“kenderaan” termasuklah apa-apa pengangkutan yang digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi membawa atau mengangkut orang, binatang atau barang-barang;

“LCL” ertinya kurang daripada muatan kontena;

“LOA” ertinya panjang sesuatu vesel diukur dari titik paling hujung di hadapan vesel itu ke titik paling hujung di belakang vesel itu;

“lancang” ertinya lancang yang digunakan bagi maksud kegiatan waktu lapang, sukan atau rekreasi;

“marina” ertinya apa-apa kemudahan kepunyaan Suruhanjaya untuk tambatan, berlabuh, himpitan atau simpanan lancang dalam pelabuhan;

“FCL” ertinya muatan penuh kontena;

“Pengurus” ertinya pegawai yang menjaga bagi operasi pelabuhan masing-masing dan mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

“premis Suruhanjaya” termasuklah semua tempat yang dipunyai oleh Suruhanjaya dan yang diuntukkan olehnya termasuk mana-mana bahagian tanah yang telah diperbaiki untuk memudahkan perjalanan aktiviti-aktiviti pelabuhan dan mana-mana pesisir yang digunakan bagi maksud itu;

“simpanan percuma” ertinya tempoh yang dinyatakan yang kargo atau kontena memenuhi ruang yang diberikan kepadanya dalam premis Suruhanjaya tanpa sewa stor;

“CFS” ertinya stesen kontena freight;

“syif” ertinya satu daripada tempoh-tempoh yang berikut:

Jam 0730 sehingga jam 1530

Jam 1530 sehingga jam 2330

Jam 2330 sehingga jam 0730

“tambahan” termasuklah apa-apa pentas, tangga, tempat pendaratan, pentas pendaratan, jeti, baj terapung atau pontun dan apa-apa jambatan atau kerja lain yang berkaitan dengannya;

“tan” ertinya satu tan metrik yang bersamaan 1,000 kilogram atau satu meter padu;

“vesel” termasuklah baj, tongkang dan apa-apa kapal atau bot yang digerakkan secara mekanikal.

## 2. NOTIS UNTUK MEMUNGGAH ATAU MEMUAT KARGO

(1) Pemilik, nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengurus tentang niatnya untuk memungguh atau memuatkan sebelum apa-apa kerja dimulakan.

(2) Kargo yang dipungguh tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pengurus tidak dianggap sebagai berada dalam jagaan Suruhanjaya dan Suruhanjaya tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang mungkin berlaku ke atas kargo itu akibat daripada apa jua sebab.

## 3. MENYIMPAN KARGO UNTUK PENGIRIMAN

Kargo tidak boleh disimpan di mana-mana jua dalam premis Suruhanjaya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengurus.

## 4. CAJ KURANG

Suruhanjaya berhak memungut apa-apa amaun yang dipastikan sebagai terkurang caj atau yang selainnya didapati sebagai kena dibayar.

## 5. CAJ BERLEBIHAN

(1) Seseorang tidak berhak mendapatkan balik apa-apa caj berlebihan melainkan jika dia merujuk secara bertulis kepada Pengurus dalam masa enam tahun dari tarikh bil penyerahan, bil pengiriman atau apa-apa bil lain yang dikeluarkan kepadanya, dan dia memberikan maklumat penuh yang disokong dengan apa-apa keterangan dokumentar yang lain sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika apa-apa barang telah diukur atau ditimbang oleh Pengurus, tiada tuntutan untuk mendapatkan bayaran balik boleh diterima oleh Pengurus melainkan jika orang yang menuntut bayaran balik itu telah mempertikaikan pengukuran atau timbangan barang-barang itu pada masa barang-barang itu diukur atau ditimbang.

**6. PEMBAYARAN CAJ**

(1) Semua caj hendaklah dibayar secara tunai kecuali dalam hal orang yang mempunyai akaun lejar atau akaun kredit.

(2) Jika kemudahan kredit dijadikan tersedia kepada pengguna pelabuhan, akaun berkenaan dengan kemudahan kredit itu hendaklah dijelaskan dalam tempoh kredit yang dibenarkan, jika tidak kemudahan seterusnya tidak akan diberikan sehingga semua caj tertunggak dibayar.

(3) Suruhanjaya boleh mengikut budi bicara tunggalnya, menganggar dan mengutip lebih awal semua caj yang mungkin terakru terhadap pengguna pelabuhan.

**7. TANAN YANG DIKENAKAN CAJ**

(1) Caj kargo adalah berasaskan satu tan atau satu meter padu, mengikut mana-mana yang lebih besar.

(2) Suruhanjaya boleh memilih untuk mengira semua tanan kargo mengikut berat mati atau ukuran padu mengikut mana-mana yang lebih besar, sama ada atau tidak manifest kapal atau nota perkapalan diberikan.

(3) Caj pengendalian dermaga untuk alat angkat berat melebihi 5 tan bagi satu bungkusan akan dikenakan berasaskan kepada berat mati.

**8. PINDAH KAPAL DAN PENGEKSPORTAN SEMULA**

(1) Kadar pindah kapal dan eksport semula hendaklah terpakai hanya bagi kargo dan kontena yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) kargo dan kontena pindah kapal hendaklah diisytiharkan untuk dipindahkapalkan atau dieksport semula di pelabuhan sekurang-kurangnya 12 jam sebelum ketibaan vesel yang memunggah dan tertakluk kepada kelulusan Pengurus;
- (b) kargo dan kontena pindah kapal hendaklah dipunggah oleh vesel yang memunggah ke atas Dermaga Suruhanjaya dan berada dalam kawalan Suruhanjaya sehinggalah kargo dan kontena pindah kapal itu dipindahkapalkan atau dieksport semula; dan
- (c) kargo dan kontena pindah kapal hendaklah diperkapalkan semula oleh Suruhanjaya melalui vesel yang lain di Dermaga Suruhanjaya.

(2) Pengurus boleh, atas permohonan, membenarkan kargo dan kontena pindah kapal yang diterima daripada keretapi atau jalan raya untuk dipindahkapalkan seterusnya dengan kapal melalui Dermaga Suruhanjaya atau yang diterima daripada kapal untuk dibawa seterusnya dengan keretapi atau jalan raya melalui Dermaga Suruhanjaya, dikenakan caj pada kadar pindah kapal dan kadar pengeksportan semula.

(3) Barang berbahaya Kumpulan 1, 2 dan 3 dan kenderaan tidak tertakluk kepada kadar pindah kapal atau kadar eksport semula.

---

9. KARGO YANG DIPALETKAN ATAU DIJADIKAN SATU UNIT

(1) Kadar bagi kargo yang dipaletkan atau yang dijadikan satu unit hendaklah dikenakan atas kargo import atau eksport yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) kargo adalah dalam bungkusan kecil atau unit yang dibungkus dan diikat bersama di atas palet;
- (b) berat atau isi padu bagi satu unit palet tidak boleh melebihi 2.5 tan atau tidak lebih daripada ukuran 4 meter padu;
- (c) kargo hendaklah dimanifes dan manifes itu hendaklah diendorskan dengan sewajarnya di pelabuhan tempat kargo itu dimuatkan bahawa kargo itu telah dipaletkan atau dijadikan satu unit. Dokumen import atau eksport hendaklah diendorskan dengan cara yang sama; dan
- (d) kargo yang dipaletkan atau dijadikan satu unit itu hendaklah dimuatkan atau dipunggah sebagai satu unit dengan menggunakan trak angkat susun.

(2) Mana-mana kargo lain yang tidak ditakrifkan sebagai kargo yang dipaletkan atau dijadikan satu unit di bawah Skel Kadar ini boleh diklasifikasikan sebagai kargo terumbai oleh Pengurus dan tertakluk kepada surcaj sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

10. SEWA STOR

(1) Pada mengira tempoh simpanan, hendaklah diambil kira hari Ahad dan semua hari kelepasan am yang diwartakan yang terpakai bagi negeri Pulau Pinang.

(2) Tempoh simpanan bagi kargo dan kontena import hendaklah dikira mulai dari syif berikutnya apabila selesai pemunggahan vesel atau setiap konsain.

(3) Tempoh simpanan bagi kargo dan kontena eksport hendaklah dikira mulai dari syif berikutnya apabila kargo atau kontena itu diterima sehingga masa vesel itu dihimpitkan.

(4) Tempoh simpanan bagi kargo dan kontena pindah kapal hendaklah dikira dari syif berikutnya apabila kargo atau kontena itu diterima sehingga masa vesel itu dihimpitkan.

(5) Caj sewa stor adalah dikira selepas habis tempoh simpanan percuma.

(6) Kadar simpanan lama boleh diberikan mengikut budi bicara Pengurus dan boleh dibuat apabila permohonan untuk mendapatkan kadar simpanan lama diterima.

(7) Jika tarpal digunakan untuk melindungi kargo yang disimpan dalam kawasan simpanan terbuka, sewaan akan dikenakan pada kadar bangsal.

(8) Senjata dan peluru tidak boleh diterima untuk simpanan oleh Suruhanjaya.

(9) Sewa stor bagi alat angkat berat 5 tan ke atas akan berdasarkan kepada berat atau ukuran mengikut mana-mana yang lebih besar.

CAJ KENA DIBAYAR OLEH VESEL

11. DIUS PELABUHAN

(1) Dius pelabuhan hendaklah kena dibayar ke atas semua vesel yang memasuki Pelabuhan Pulau Pinang kecuali yang berikut:

- (a) vesel kepunyaan Kerajaan Malaysia; dan
- (b) vesel yang singgah di pelabuhan bagi maksud kecemasan dengan syarat tiada kargo dimuatkan atau dipunggah, dan tiada bekalan air atau minyak diambil.

(2) Dius pelabuhan hendaklah seperti yang berikut:

No.	Panjang Vesel (LOA)	Setiap meter atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Vesel sehingga 30 meter	Tiada
2.	Vesel antara 31 meter dan 60 meter	1.95
3.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	3.90
4.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	8.45
5.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	18.85
6.	Vesel melebihi 150 meter	21.45
7.	Vesel penumpang:	
	(i) Antara 61 meter dan 90 meter	1.95
	(ii) Antara 91 meter dan 120 meter	4.55
	(iii) Antara 121 meter dan 150 meter	9.75
	(iv) Melebihi 150 meter	11.05

12. PEMALIMAN

(1) Perkhidmatan pemaliman untuk masuk atau keluar dari pelabuhan adalah wajib bagi vesel 600 GRT dan ke atas.

(2) Perkhidmatan pemaliman untuk berlabuh atau tidak berlabuh di sepanjang sisi dermaga adalah wajib bagi vesel 200 GRT dan ke atas.

(3) Suruhanjaya boleh mengikut budi bicaranya mengarahkan malim dan mengeluarkan bil atas akaun vesel.

(4) Caj pemaliman adalah kena dibayar mengikut asas masa yang dikira dari masa perkhidmatan dikehendaki sehingga masa perkhidmatan itu selesai dilaksanakan.

(5) Caj pemaliman adalah seperti yang berikut:

No.	Perkhidmatan	Setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Sejam pertama	286.00
2.	Setiap setengah jam berikutnya	143.00
3.	Vesel yang tidak menggunakan malim semasa bergerak dalam kawasan pemaliman	429.00
4.	Jika pemaliman telah diminta dan kemudiannya dibatalkan atau dipinda dalam tempoh kurang daripada tiga (3) jam dari masa perkhidmatan dikehendaki	143.00

(6) Jika sesuatu vesel yang seseorang malim telah diminta dan bagi apa jua sebab perkhidmatan itu tidak digunakan, caj pemaliman hendaklah kena dibayar dari masa malim itu diminta sehingga pada masa dia balik ke pangkalan mengikut butiran 1 dan 2 perenggan (5).

### 13. PENUNDAAN

(1) Caj bagi perkhidmatan penundaan hendaklah bermula dari masa bot tunda mengatur kedudukannya untuk menjalankan operasi sehingga masa bot tunda itu dilepaskan daripada operasi itu.

(2) Caj yang berikut hendaklah terpakai bagi penggunaan bot tunda bagi membantu atau mengubah sesuatu vesel dalam operasi menghimpit atau mengeluarkan vesel atau bagi menunda vesel.

(a) Dalam had pelabuhan

No.	Perkhidmatan	Setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Sehingga 100 meter	Melebihi 100 meter
1.	Sejam pertama	364.00	598.00
2.	Setiap setengah jam berikutnya	182.00	299.00
3.	(i) Perkhidmatan penundaan yang dibatalkan atau dipinda  (ii) Jika bot tunda diminta tetapi dihantar balik sebelum bermula operasi menghimpit dan mengeluarkan vesel	182.00	299.00

(b) Di luar had pelabuhan

No.	Perkhidmatan	Setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Sehingga 100 meter	Melebihi 100 meter
1.	Sejam pertama	728.00	1,196.00
2.	Setiap setengah jam berikutnya	364.00	598.00
3.	(i) Perkhidmatan penundaan yang dibatalkan atau dipinda (ii) Jika bot tunda diminta tetapi dihantar balik sebelum bermula operasi menghimpit dan mengeluarkan vesel	182.00	299.00

#### 14. PENGGUNAAN HIMPITAN

(1) Caj penggunaan himpitan hendaklah kena dibayar oleh setiap vesel yang menduduki himpitan di Dermaga Suruhanjaya berdasarkan kepada klasifikasi jenis vesel. Caj ini termasuklah upah buruh untuk menghimpit dan mengeluarkan vesel tetapi tidak termasuk pengendali kargo daratan yang bekerja di sisi vesel.

(2) Caj penggunaan himpitan hendaklah seperti yang berikut:

No.	Vesel	Setiap meter setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Vesel kargo	1.00
2.	Vesel penumpang/Tentera Laut	0.50
3.	Kapal tangki minyak sayur	3.50
4.	Kapal tangki untuk produk cecair yang lain	3.90
5.	Vesel kargo pukal kering	1.30
6.	Vesel kontena	1.30

#### 15. CAJ PENGENDALIAN PENUMPANG

(1) Caj pengendalian penumpang hendaklah kena dibayar oleh semua vesel penumpang atau vesel persiaran.

(2) Caj pengendalian penumpang adalah terpakai kepada setiap penumpang yang menyertai atau meninggalkan vesel yang berada di sisi termasuk penumpang transit yang akan ke daratan dan kembali.

(3) Caj pengendalian penumpang hendaklah seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Jenis</i>	<i>Setiap orang (RM)</i>
1.	Dewasa	6.50
2.	Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun	3.20

CAJ KENA DIBAYAR OLEH PENERIMA KONSAIN ATAU PEMBERI KONSAIN

#### 16. CAJ AM

(1) Caj am hendaklah kena dibayar ke atas semua kargo yang diperkapalkan atau dipunggang dalam Pelabuhan Pulau Pinang, tidak termasuk yang berikut:

- (a) ikan segar tempatan yang ditangkap selain yang didaratkan di Dermaga Suruhanjaya, tambangan dan jeti;
- (b) kargo yang dipunggang dan diperkapalkan semula untuk memudahkan simpanan; dan
- (c) kargo yang terlebih didaratkan yang kemudiannya diperkapalkan ke pelabuhan destinasi dengan syarat kargo itu diperkapalkan semula dalam tempoh 28 hari.

(2) Caj am hendaklah seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Jenis</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Kargo pukal (a) bijih logam (b) kargo lain	0.80 1.20
2.	Kargo pecah pukal	1.40
3.	Kargo yang berhak mendapat kadar pindah kapal atau diperkapalkan semula dan pindah kapal secara langsung dari kapal ke kapal, setiap satu operasi	0.70
4.	Motokar dan treler	6.00 sebuah
5.	Lori, bas, trak, van atau kenderaan lain	12.00 sebuah
6.	Mel atau bungkusan mel	0.70 setiap beg

(3) Kenderaan-kenderaan lain untuk kegunaan industri hendaklah dikenakan caj berasaskan kadar tanan mengikut caj kargo pecah pukal. Kargo dalam kontena hendaklah tertakluk kepada caj di atas. Kontena kosong hendaklah tidak tertakluk kepada caj di atas.

#### 17. CAJ PENGENDALIAN DERMAGA

(1) Caj pengendalian dermaga hendaklah kena dibayar ke atas semua kargo yang dikendalikan di Dermaga Suruhanjaya berdasarkan kepada yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Kargo</i>	<i>Jenis Penghantaran</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Pecah pukal	(i) Terus ke kenderaan atau gerabak keretapi atau sebaliknya	3.50
		(ii) Ke kenderaan atau gerabak keretapi melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	7.00
2.	Kayu balak	(i) Terus ke kenderaan atau gerabak keretapi atau sebaliknya	6.50
		(ii) Ke kenderaan atau gerabak keretapi melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	9.10
3.	Pukal kering	Terus ke kenderaan atau gerabak keretapi atau sebaliknya	2.00
4.	Pukal cecair	Saluran paip persendirian	1.50
5.	Alat angkat berat melebihi 5 tan sehingga 15 tan	(i) Terus ke kenderaan atau gerabak keretapi atau sebaliknya	14.00
		(ii) Ke kenderaan atau gerabak keretapi melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	22.00
6.	Alat angkat berat melebihi 15 tan	(i) Terus ke kenderaan atau gerabak keretapi atau sebaliknya	19.50
		(ii) Ke kenderaan atau gerabak keretapi melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	32.50

(2) Caj pengendalian dermaga hendaklah kena dibayar ke atas semua kenderaan bermotor yang dikendalikan di Dermaga Suruhanjaya seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Jenis</i>	<i>Setiap unit (RM)</i>
1.	Motokar atau treler	35.00
2.	Lori, bas, trak, van atau kenderaan-kenderaan lain	70.00

Kenderaan-kenderaan lain untuk kegunaan industri dan motosikal hendaklah dikenakan caj berasaskan kadar tanan mengikut caj kargo pecah pukal atau caj alat angkat berat mana-mana yang terpakai.

(3) Caj pengendalian dermaga hendaklah kena dibayar ke atas kargo pindah kapal dan pengeksportan semula yang dikendalikan di Dermaga Suruhanjaya seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Jenis</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Bungkusan sehingga 5 tan	9.80
2.	Bungkusan melebihi 5 tan sehingga 15 tan	26.00

#### 18. CAJ SEWA STOR

(1) Caj sewa stor hendaklah kena dibayar ke atas kargo yang berada di dalam premis Suruhanjaya. Caj sewa stor yang ditunjukkan dalam skel kadar terhadap setiap hari kalendar adalah kadar terkumpul.

(2) Caj sewa stor hendaklah seperti yang berikut:

(a) Sewa stor untuk kargo import yang disimpan di dalam bangsal

<i>Hari/minggu atau sebahagian daripadanya</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Hari pertama hingga hari keempat	Tiada
Hari kelima	2.60
Hari keenam	3.30
Hari ketujuh	3.90
Hari kelapan	5.90
Hari kesembilan	7.80
Hari kesepuluh	9.80

<i>Hari/minggu atau sebahagian daripadanya</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Hari kesebelas	11.70
Hari kedua belas	14.30
Hari ketiga belas	16.90
Hari keempat belas	19.50
Minggu ketiga dan minggu berikutnya— setiap minggu	19.50

(b) Sewa stor bagi kargo import yang disimpan di tempat terbuka

<i>Hari/minggu atau sebahagian daripadanya</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Hari pertama hingga hari keempat	Tiada
Hari kelima	1.30
Hari keenam	1.70
Hari ketujuh	2.00
Hari kelapan	3.00
Hari kesembilan	3.90
Hari kesepuluh	4.90
Hari kesebelas	5.90
Hari kedua belas	7.20
Hari ketiga belas	8.50
Hari keempat belas	9.80
Minggu ketiga dan minggu berikutnya— setiap minggu	9.80

Caj sewa stor bagi kenderaan bermotor hendaklah berdasarkan kepada ukuran berat pada kadar simpanan terbuka.

(c) Sewa stor bagi kargo eksport yang disimpan dalam bangsal

<i>Hari/minggu atau sebahagian daripadanya</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Hari pertama hingga hari ketujuh	Tiada
Hari kelapan	2.60
Hari kesembilan	3.30
Hari kesepuluh	3.90
Hari kesebelas	5.90
Hari kedua belas	7.80
Hari ketiga belas	9.80
Hari keempat belas	11.70
Minggu ketiga dan minggu berikutnya— setiap minggu	11.70

(d) Sewa stor bagi kayu balak (eksport)

<i>Hari/minggu atau sebahagian daripadanya</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Hari pertama hingga hari keempat belas	Tiada
Hari kelima belas	2.60
Hari keenam belas	3.30
Hari ketujuh belas	3.90
Hari kelapan belas	5.90
Hari kesembilan belas	7.80
Hari kedua puluh	9.80
Hari kedua puluh satu	11.70
Minggu keempat dan minggu berikutnya— setiap minggu	11.70

(e) Sewa stor bagi kargo eksport yang disimpan di tempat terbuka

<i>Hari/minggu atau sebahagian daripadanya</i>	<i>Setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Hari pertama hingga hari ketujuh	Tiada
Hari kelapan	1.30
Hari kesembilan	1.70
Hari kesepuluh	2.00
Hari kesebelas	3.00
Hari kedua belas	3.90
Hari ketiga belas	4.90
Hari keempat belas	5.90
Minggu ketiga dan minggu berikutnya— setiap minggu	5.90

Caj sewa stor bagi kenderaan bermotor hendaklah berdasarkan kepada ukuran berat pada kadar simpanan terbuka.

(f) Sewa stor bagi kargo yang disimpan dalam gudang pebean

<i>No.</i>	<i>Jenis</i>	<i>Setiap tan setiap minggu atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Tembakau (setiap 0.25 tan)	1.30
2.	Arak (setiap 100 liter)	2.00

(g) Sewa simpanan lama adalah RM5.20 bagi setiap tan setiap minggu atau sebahagian daripadanya.

## 19. TARIF KONTENA

(1) Caj pengendalian dermaga tidak termasuk pemungkah kargo bagi kontena yang dikendalikan di Dermaga Suruhanjaya hendaklah seperti yang berikut:

(a) Vesel yang menggunakan derik sendiri

No.	Status kontena	Setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	FCL/kosong	104.00	156.00
2.	LCL	293.00	442.00
3.	Pindah kapal	78.00	117.00

(b) Vesel menggunakan kren pelabuhan/ramp Ro-Ro

No.	Status kontena	Setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	FCL	182.00	273.00
2.	Kosong	182.00	273.00
3.	LCL	371.00	559.00
4.	Pindah kapal	156.00	234.00

(2) Caj pengendalian dermaga bagi mengubah kontena yang dikendalikan di Dermaga Suruhanjaya hendaklah seperti yang berikut:

(a) Vesel menggunakan derik sendiri

No.	Perkhidmatan	Setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	Tanpa operasi pendaratan dan diperkapalkan semula	—	—
2.	Dengan operasi pendaratan dan diperkapalkan semula	104.00	156.00

## (b) Vesel menggunakan kren pelabuhan

No.	Perkhidmatan	Setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	Tanpa operasi pendaratan dan diperkapalkan semula	78.00	117.00
2.	Dengan operasi pendaratan dan diperkapalkan semula	260.00	390.00

Caj pergerakan tambahan hendaklah kena dibayar sekiranya ada pergerakan tambahan dalam yad kontena.

(3) Caj yang kena dibayar bagi membuka penutup hac, meletakkan penutup hac itu di hac sebelah atau atas dermaga dan kemudiannya menutup hac adalah RM156.00 bagi setiap operasi.

(4) Caj pergerakan tambahan hendaklah kena dibayar bagi setiap pergerakan tambahan dalam yad kontena seperti yang berikut:

No.	Perkhidmatan	Setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	Pergerakan tambahan operasi mengangkat atau meletak	59.00	91.00

(5) Caj penyimpanan kontena atau kargo pecah pukat hendaklah seperti yang berikut:

No.	Status	Setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	Kontena kosong–setiap hari	5.30	10.60
2.	Kontena berisi–setiap hari	10.60	21.20
3.	Kontena terlebih tinggi/ terlebih lebar/terlebih panjang–setiap hari	15.90	31.90
4.	Kargo pecah pukat dalam CFS	Caj sama untuk simpanan kargo dalam bangsal	

Apabila kontena berisi dipunggah dan menjadi kosong, kontena kosong itu hendaklah tidak diberi penyimpanan percuma dan kadar penyimpanan bagi kontena itu hendaklah mengikut kadar tarif.

(6) Tempoh penyimpanan percuma hendaklah seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Status</i>	<i>Jumlah hari atau sebahagian daripadanya</i>
1.	Kontena import FCL berisi atau kosong	3
2.	Kontena import rifer LCL	3
3.	Kontena eksport FCL/LCL berisi atau kosong	3
4.	Kontena pindah kapal	14

(7) Kontena yang tidak diterima

(a) Caj bagi kontena yang disusun di bahagian eksport dan tidak diterima oleh vesel dan kemudiannya diserahkan ke keretapi atau kenderaan lain hendaklah seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Status</i>	<i>Setiap kontena (RM)</i>	
		<i>Panjang sehingga 20 kaki</i>	<i>Panjang melebihi 20 kaki</i>
1.	Kontena FCL	104.00	156.00
2.	Kontena FCL termasuk memunggah isinya	345.00	520.00
3.	Kontena LCL	293.00	442.00
4.	Kontena LCL termasuk memunggah isinya	533.00	806.00

Caj di atas hendaklah tambahan kepada caj pergerakan tambahan, sekiranya ada.

(b) Jika sesuatu kontena yang akan dieksport tidak diterima oleh vesel dan kemudiannya diperkapalkan melalui vesel lain—

(i) caj pergerakan tambahan hendaklah kena dibayar ke atas kontena mengikut bilangan pergerakan tambahan yang terlibat; dan

(ii) hari simpanan percuma hendaklah dikira dari tarikh kontena mula diterima.

(8) Caj bagi perkhidmatan kontena rifer hendaklah seperti yang berikut:

No.	Perkhidmatan	Setiap kontena (RM)	
		Panjang melebihi 20 kaki	Panjang melebihi 20 kaki
1.	Perkhidmatan pemantauan di yad rifer	13.00	26.00
2.	Pemeriksaan sebelum pelayaran	78.00	78.00
3.	Menyambung atau memutuskan perkhidmatan di atas vesel	20.00	20.00

#### CAJ UNTUK PENGGUNAAN MARINA

##### 20. HIMPITAN

(1) Caj bagi lancang yang berada di himpitan di marina hendaklah pada kadar RM4.00 setiap hari atau RM60.00 setiap bulan bagi tiap-tiap meter panjang atau sebahagian daripadanya.

(2) Bagi tujuan perenggan (1)—

- (a) satu hari hendaklah tempoh bermula dari jam 1200 pada satu hari sehingga jam 1200 pada hari yang berikutnya, atau sebahagian daripadanya;
- (b) satu bulan hendaklah tempoh tiga puluh hari berturutan dan bagi apa-apa hari tambahan, caj harian hendaklah terpakai; dan
- (c) panjang lancang hendaklah diukur mengikut LOA.

(3) Badan kapal pelbagai seperti catamaran dan trimaran hendaklah dikenakan caj tambahan sebanyak 40% daripada kadar yang ditetapkan dalam perenggan (1).

##### 21. TAMBATAN

(1) Bagi lancang yang ditambah ke boya atau tiang penambat atau apa-apa bentuk pemasangan lain yang kukuh ke dasar laut, caj hendaklah pada kadar RM2.00 sehari atau RM30.00 sebulan bagi tiap-tiap meter panjang atau sebahagian daripadanya.

(2) Sesuatu lancang adalah ditambah mulai dari masa apabila lancang itu diikat sehingga lancang itu dilepaskan.

Bertarikh 15 Disember 2006  
[SPPK: K.100/5, K.107/1; PN(PU<sup>2</sup>)222/V]

DATO' DR. LOH HOCK HUN  
*Pengerusi*  
*Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang*

Diluluskan pada 28 Disember 2006

DATO' SRI CHAN KONG CHOY  
*Menteri Pengangkutan*

## PENANG PORT COMMISSION ACT 1955

### SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES 2007

IN accordance with the provision of section 34 of the Penang Port Commission Act 1955 [*Act 140*], the Minister has approved the Scale of Rates, Dues and Charges framed by the Commission in exercise of the powers conferred to it by sections 32 and 33 of the Act, set out in the Schedule which shall come into operation on 18 January 2007.

Scale of Rates, Dues and Charges [*P.U. (B) 451/1980*] is revoked.

#### SCHEDULE

##### GENERAL INFORMATION

##### 1. INTERPRETATION

“goods” and “cargo” shall include livestock, minerals and wares and merchandise of every description;

“dangerous goods” includes ammunition, explosives, petroleum or other inflammable, noxious or dangerous substance or article and all goods specified in Schedule C of the Penang Port Commission By-Laws 1957 [L.N. (N.S.) 93/1957];

“package” includes any box, basket, barrel, case, receptacle, sack, bag, wrapper, envelope or other covering or thing in which goods are placed for the purpose of carriage, consignment, freight, importation or exportation;

“wharf” includes any wall or structures adjoining the foreshore, sea-bed or a river-bed;

“Commission’s Wharf” means berth, wharf, dock, pier or landing place operated or controlled by the Commission;

“GRT” means the gross registered tonnage of a vessel;

“day” means 24 hours cycle;

“berth” means docks, pier jetty, quay, landing place or wharf which is connected to the shore side;

“vehicle” includes any carriage used or intended to be used for the conveyance or carriage of persons, animal or goods;

“LCL” means less than container load;

“LOA” means the length of a vessel measured from the extreme point forward of the vessel to the extreme point aft of the vessel;

“craft” means a craft used for the purpose of leisure, sports or recreation activities;

“marina” means any facility belonging to the Commission for mooring, anchoring, berthing or storing of craft in the port;

“FCL” means full container load;

“Manager” means the officer in charge of the respective port operations and any other officer acting under or with his authority;

“Commission’s premises” includes all places owned by the Commission and appropriated by it including any portion of the land which has been improved to facilitate the carrying out port activities and any foreshore used for such purpose;

“free storage” means the specified period during which cargo or container occupy the space assigned to it in the Commission’s premises free of store rent;

“CFS” means container freight station;

“shift” means one of the following periods:

0730 to 1530 hours

1530 to 2330 hours

